

Panduan Minisite Photoshop & Kompozer

Disediakan oleh:

Aridz Ridzuan

www.aridztech.com

Pengenalan Minisite

Minisite adalah merupakan satu bentuk website yang digunakan secara makin meluas sekarang ini untuk tujuan perniagaan berdasarkan kepada beberapa perkara:

1. Info yang menyeluruh diberikan kepada pelawat website.
2. Kelebihan SEO di dalam minisite yang dipenuhi dengan keywords.
3. Mudah dan senang untuk dilayari dan juga tidak sukar membinanya.
4. Isi yang teratur dan kemas disukai oleh pelawat website.
5. Efektif dan efisien dengan tidak membazirkan masa pelawat.

Apakah yang diperlukan untuk membina minisite?

Saya menyarankan dua software ini.

Photoshop (CS3 atau CS4) untuk tujuan design (merekabentuk)

Kompozer untuk meletakkan contents (isi)

Bagaimana untuk mendapatkan software ini?

Boleh cuba untuk download percuma di


Photoshop CS4 : <http://rapidshare.com/files/238304672/Photoshop.zip>

Kompozer: www.kompozer.net


Untuk pembinaan website yang ditunjukkan di dalam panduan ini, ianya menggunakan Photoshop CS4. Photoshop CS3 juga boleh digunakan.

Photoshop

1. Aktifkan Photoshop dan skrin seperti dibawah akan dipaparkan.



2. Klik kepada File > New...



3. Window seperti dibawah dipaparkan. Pastikan bahawa nilai- nilai tersebut adalah mengikut panduan di bawah:

Name: Tajuk kepada minisite yang dibina. Pastikan ada keywords untuk SEO.

Preset: Pilih custom untuk memilih sendiri width dan height.


Width: Kelebaran design website, nilai ini mesti 800. Pastikan unit di dalam pixels.

Height: Ketinggian design website, nilai ini mesti di dalam lingkungan 350- 550 mengikut keluasan kawasan yang diperlukan untuk tujuan mengindahkan website dengan gambar- gambar, wordings, etc. Pastikan unit di dalam pixels.

Resolution: 72 pixels/inch.


Color mode: RGB Color 8 bit

Background Contents: White




Selepas setting tersebut dilaksanakan, klik OK.

4. Skrin ini akan dipaparkan seterusnya. Inilah adalah kawasan untuk kita menghiasnya.




Langkah seterusnya untuk membina 3 kawasan iaitu header , contents area dan footer.




4. Pilih warna website. Seelok-eloknya warna adalah sama tetapi kita memilih warna Foreground adalah lebih gelap daripada warna Background. Klik kepada bahagian warna.




Pilih Warna.



5. Gunakan Rectangular Marque tool.




Pilih kawasan header. Bahagian header boleh dibina besar daripada contents area dan footer untuk memberikan ruang yang lebih luas untuk tujuan hiasan website.




Gunakan Gradient tool.



Pilih Gradient tool




Klik dan hold mouse daripada atas ke bawah. Dan lepaskan klik tersebut. Pastikan ianya garisan lurus daripada atas ke bawah.



Kemudian ianya dipaparkan begini.




6. Lakukan untuk kawasan footer pula. Bezanya, ianya diklik daripada bahagian bawah ke atas untuk mendapatkan tone warna yang selari.



7. Kemudian, kita akan lakukan untuk bahagian tepi pula di contents area. Warna yang dipilih adalah berdasarkan warna yang berhampiran dengan kawasan tepi tersebut. Pointer di klik di bahagian berhampiran dengan content area.


Foreground color dipilih warna yang berhampiran dengan kawasan di atas. Background color dipilih warna yang berhampiran dengan kawasan di bawah.




Lakukan rectangular marquee tool di bahagian tepi dan gunakan gradient tool untuk mewarnakannya.



Gunakan copy paste untuk bahagian di sebelah lagi. Satu layer baru akan dibentuk setelah copy dan paste. Gunakan move tool untuk menggerakkan layer yang baru terbentuk itu ke sebelah tepi satu lagi.



Selepas move tool, layer terbaru telah terbentuk.




Kita sudah selesai untuk bahagian latarbelakang.


8. Kini adalah untuk memasukkan Text ke dalam rekabentuk tersebut. Klik kepada icon yang berhuruf "T".



Pilih Horizontal Type Tool



Klik di tempat yang nak diletakkan text dan ubahsuai text tersebut supaya sesuai untuk font , size dan warnanya.



Sebagai contoh, kita mendapatkan text seperti di bawah. Perhatikan bahawa layer baru terbentuk.



Cantikkan text tersebut menggunakan blending options. Caranya, dengan klik kanan di bahagian layer.




Pilih beberapa style untuk mencantikkan text. Boleh buat test untuk ujian yang mana lebih baik.




Keputusan dipaparkan setelah memasukkan text.



8. Masukkan gambar ke dalam design minisite kita. Buka satu gambar yang ingin dimasukkan ke dalam website.




Katakan gambar ini telah diambil. Buka (Open) gambar ini di dalam Photoshop.




Guna Marque tool untuk mengambil copy kawasan gambar ini dan kemudian paste di dalam design. Guna move tool untuk diletakkan di kawasan yang berkenaan.



Gunakan Edit > Free Transform untuk membesarkan gambar tersebut. Pastikan layer yang betul dipilih.



Klik kepada move tool setelah melakukan pembesaran gambar.



Klik Apply setelah selesai.



9. Kini kita akan membina satu butang untuk membuat link. Saya cadangkan butang tersebut adalah untuk "Contact us". Caranya amat mudah dengan hanya menaipkan text "Contact us".



10. Kini kita akan membina satu animation untuk text. Animation ini untuk menjadikan ianya menarik perhatian dan melakukan tindakan dengan segera. Kita akan meletakkan "Do It Now!!!" dengan menggunakan Text.



Untuk menjadikan "Do It Now!!!" di dalam keadaan senget, sila ke Edit > Transform > Skew




Setelah melakukan skew, keputusannya dipaparkan dibawah ini.




Untuk melakukan animation, aktifkan window untuk animation.



Bina satu lagi frame dengan menggunakan duplicate frame



Letakkan delay setting kepada 0.2.




Pilih Frame 2 dan pergi kepada layer "Do It Now!!!" dan klik kepada gambar mata untuk tidak mengaktifkannya di dalam frame berkenaan.



Uji dengan klik play untuk melihat perbezaannya.


11. Kemudian, kita perlu memotong gambar design ini dengan menggunakan slice tool.



Potong kepada bahagian - bahagian seperti berikut.



12. Save design minisite ini sebagai template file dan boleh diubah kemudian nanti dalam bentuk .psd file. File > Save




13. Untuk save di dalam bentuk website. Sila ke File > Save for web and devices..



Paparan dibawah akan ditunjukkan.




Klik Save. Letakkannya di dalam satu folder baru. File untuk di save ialah index. Save as type : HTML and images (*.html). Selesai design kita di dalam photoshop.




Kompozer

1. Aktifkan Kompozer dan paparan adalah seperti dibawah.



Klik icon Open, pilih file index.html



Paparan di bawah ditunjukkan setelah file dibuka.




2. Untuk meletakkan minisite ketengah, Tekan Control + A (select All) dan kemudian klik kepada center alignment.



3. Sekarang kita ingin menjadikan content area sebagai kawasan yang boleh ditulis dan diedit. Caranya, kita akan delete gambar content area dan seterusnya menjadikan gambar tersebut sebagai background untuk content area.


Sebelum kita delete gambar untuk content area, kita copy dahulu image location. Caranya dengan double click gambar tersebut dan copy image location dengan highlight dan control + C.




Kemudian , delete gambar content area.



Double click bagian content area yang gambar sudah dipadamkan.



Klik Advance edit. Taip background di bagian attribute dan paste image location di bagian value. Klik ok dan ok juga di bahagian paparan terdahulu.



Paparan akan memasukkan gambar sebagai background.




Kemaskan gambar dengan membuat adjustment di bahagian pixel scale tepi. Beginilah paparan setelah dikemaskan.




Namun, kita masih tidak dapat menulis atau membuat edit di content area sebelum memasukkan satu table 1x1 di kawasan tersebut. Ianya diperlukan agar tulisan tidak memasuki kawasan border tepi.


Insert > Table




Pilih 1x 1



Apabila table sudah dimasukkan, double click table tersebut untuk ubahsui kelebarannya.



Satu paparan akan keluar dan sila klik bahagian tab table.



Perkara yang penting adalah:

Width : 85 % of cell

Border : 0

Table alignment : Center

Selepas itu klik OK. Minisite telahpun Berjaya disiapkan dan boleh diteruskan untuk bahagian contents. Terima kasih.